PP lwn. MOHD ASYRAF THIRU ABDULLAH

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MD RAUS SHARIF PMR
ZAKARIA SAM HMR
UMI KALTHUM ABDUL MAJID HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: M-06B-1-01-2013]
19 DISEMBER 2014

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Rasuah – Wang suapan – Memperoleh wang suapan secara rasuah – Kesalahan meminta dan kesalahan menerima wang suapan secara rasuah – Sama ada dua kesalahan berbeza – Sama ada permintaan harus dibuktikan untuk membuktikan kesalahan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997*

Tertuduh pertama ('responden') dan tertuduh kedua telah dipertuduh bersama-sama di Mahkamah Sesyen atas tiga pertuduhan iaitu (i) dua pertuduhan di bawah s. 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('APR') ('pertuduhan pertama dan kedua'); dan (ii) satu pertuduhan di bawah s. 11(a) APR ('pertuduhan ketiga'). Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* bagi pertuduhan pertama dan kedua dan oleh itu, telah melepaskan dan membebaskan responden dan tertuduh kedua daripada pertuduhan pertama dan kedua tersebut. Pihak pendakwaan tidak merayu terhadap perintah tersebut. Walau bagaimanapun, HMS mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap pertuduhan ketiga dan tertuduh-tertuduh diarahkan membela diri. Di akhir kes pembelaan, HMS mendapati bahawa responden dan tertuduh kedua telah gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan kedua-dua mereka disabitkan dan dijatuhkan hukuman. Rayuan tertuduh kedua ke Mahkamah Tinggi dibatalkan kerana gagal menghadiri perbicaraan beberapa kali dan Pesuruhjaya Kehakiman ('PK') telah mengeluarkan waran komital terhadapnya untuk menjalani hukuman. Rayuan responden telah dibenarkan di mana sabitan dan hukuman terhadapnya diketepikan dan responden telah dibebaskan. Oleh itu, rayuan ini oleh pihak pendakwaan. Alasan-alasan rayuan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, antara lain, adalah bahawa PK telah terkhilaf dalam memutuskan bahawa: (i) pertuduhan ketiga tumbang dengan sendirinya apabila HMS telah membebaskan dan melepaskan responden bagi pertuduhan pertama dan kedua; dan (ii) pendakwaan perlu membuktikan permintaan atau tuntutan untuk membangkitkan kesalahan yang berasaskan perkataan memperoleh seperti yang disebut dalam pertuduhan ketiga.

A **Diputuskan (membenarkan rayuan; mengenepikan perintah melepaskan dan membebaskan responden)**
Oleh Zakaria Sam HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Kegagalan membuktikan pertuduhan permintaan wang suapan secara rasuah tidak bermakna pertuduhan menerima wang suapan secara rasuah juga akan turut kecundang. Meminta dan menerima wang suapan secara rasuah adalah dua kesalahan yang berbeza yang melibatkan dua fakta yang berbeza, keterangan yang berbeza dan melibatkan intipati yang berbeza. (perenggan 48)

(2) Pertuduhan pertama dan kedua berlaku di dua tempat yang berlainan dan pada tarikh dan waktu yang berlainan dengan fakta dalam pertuduhan ketiga. Malahan, dalam pertuduhan ketiga terdapat fakta-fakta tambahan iaitu wang rasuah telah diserahkan dan ditemui ada pada responden, yang disaksikan oleh pasukan intipan Badan Pencegah Rasuah dan juga pegawai atasan kepada pengadu-pengadu. (perenggan 47)

(3) Permintaan atau tuntutan bukan merupakan intipati yang harus dibuktikan untuk membuktikan satu kesalahan di bawah s. 11(a) APR. Hanya penerimaan wang tersebut secara rasuah yang harus dibuktikan. Oleh itu, PK telah melakukan satu kekhilafan yang serius apabila menghendaki pihak pendakwaan membuktikan intipati permintaan atau tuntutan. (perenggan 49)

(4) Walaupun pertuduhan ketiga menyebut '... memperolehi bagi diri kamu berdua suatu suapan wang tunai RM1,000 seorang ...', pengadu-pengadu dalam keterangan mereka di mahkamah menyatakan bahawa permintaan oleh responden adalah RM500 setiap orang. Berdasarkan keterangan, jumlah RM1,000 seorang seperti dalam pertuduhan ketiga adalah satu kesilapan oleh pihak pendakwaan ketika menyediakan pertuduhan. Kesilapan tersebut, walau bagaimanapun, tidak menjejaskan kes pendakwaan ataupun telah mengelirukan responden. Mahkamah oleh itu berpuas hati bahawa jumlah yang diminta dan diterima dalam pertuduhan ketiga ialah RM500 setiap seorang berjumlah RM1,000 kesemuanya. (perenggan 51-53)

(5) Tiada kecacatan dalam dapatan HMS bahawa pembelaan tertuduh-tertuduh adalah penafian semata-mata, tidak munasabah dan suatu fikir semula. Dapatan tersebut telah tidak diambil kira oleh PK ketika membuat keputusan mengenepikan perintah sabitan dan hukuman HMS. Oleh itu, rayuan pihak pendakwaan adalah bermerit. (perenggan 66-68)

***English** Translation Of Headnotes*

The first accused ('the respondent') and the second accused were charged jointly in the Sessions Court for three charges, *ie* (i) two charges under s. 10(a)(aa) of the Anti-Corruption Act 1997 ('ACA') ('the first and second charges'); and (ii) one charge under s. 11(a) of the ACA ('the third charge'). At the end of the prosecution's case, the Sessions Court Judge ('SCJ') found the prosecution had failed to establish a *prima facie* case for the first and second charges and had thus acquitted and discharged the respondent and the second accused from the first and second charges. The prosecution did not appeal against the order. However, the SCJ found that the prosecution had succeeded in establishing a *prima facie* case against the third charge and the accused persons were directed to enter their defence. At the end of the defence case, the SCJ found that the respondent and the second accused had failed to cast a reasonable doubt on the prosecution's case and they were both convicted and sentenced. The appeal of the second accused to the High Court was struck out as he failed several times to appear for trial and the Judicial Commissioner ('JC') had issued a warrant of committal against him to serve his sentence. The respondent's appeal was allowed wherein the conviction and sentence against him was set aside and the respondent was acquitted. Hence, the present appeal by the prosecution. The grounds of appeal raised by the prosecution, *inter alia*, were that the JC had erred in concluding that: (i) the third charge failed by itself when the SCJ had acquitted and discharged the respondent on the first and second charges; and (ii) the prosecution must prove soliciting or demand to raise the offence which was based on the words obtaining as stated in the third charge.

Held (allowing appeal; setting aside order for acquittal and discharge of respondent)

Per Zakaria Sam JCA delivering the judgment of the court:

(1) The failure to prove charge of corruptly soliciting for gratification did not mean that the charge of corruptly accepting gratification will also fail. Corruptly soliciting and accepting gratification were two different offences involving different sets of facts, different evidence and were also related to different elements.

(2) The first and second charges occurred at two different places and on a different date and time from the facts in the third charge. In fact, there were additional facts in the third charge *ie*, the bribe was given and found on the respondent, as witnessed by the raiding team of the Anti-Corruption Agency and the superior officer of the complainants.

(3) Solicitation or demand is not the element that needs to be proven to establish an offence under s. 11(a) of the ACA. Only corruptly receiving the money that must be proven. Therefore, the JC had seriously erred in requiring the prosecution to prove the element of soliciting or demand.

(4) Although the third charge stated '... memperolehi bagi diri kamu berdua suatu suapan wang tunai RM1,000 seorang ...', the complainants in their testimony in the court stated that the solicitation by the respondent was RM500 per person. Based on the evidence, the amount of RM1,000 per person as contained in the third charge was a mistake made by the prosecution in the charge. The mistake, however, did not affect the prosecution's case nor had it confused the respondent. The court was therefore satisfied that the amount solicited and accepted in the third charge was RM500 each totalling to RM1,000.

(5) There was no irregularity in the findings by the SCJ that the defence of the accused persons were mere denial, unreasonable and was an afterthought. The findings were not considered by the JC in his decision to set aside the conviction and sentence meted out by the SCJ. Therefore, there was merit in the appeal by the prosecution.

Kes-kes yang dirujuk:

Khoo Cheng Huat v. Public Prosecutor [1990] 2 CLJ 790; [1990] 2 CLJ (Rep) 236 HC ***(dirujuk)***

Lim Guan Eng v. PP & Other Appeals [1998] 3 CLJ 769 CA ***(dirujuk)***

PP v. Jamil Mahmod & Anor [1998] 1 LNS 312 HC ***(dirujuk)***

PP v. Md Nor Hamid [2003] 1 LNS 591 HC ***(dirujuk)***

Thavanathan Balasubramaniam v. PP [1997] 3 CLJ 150 FC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Corruption Act 1997, s. 11(a)
Courts of Judicature Act 1964, s. 66
Criminal Procedure Code, s. 117
Prevention of Corruption Act 1961, ss, 3(a)(i), 4(a)(i)

Bagi pihak perayu - Anthony Kevin Morais (Ahmad Sazilee Abdul bersamanya); TPR
Bagi pihak responden - Gurbachan Singh; T/n Bachan & Kartar

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat Mohd Asyraf Thiru Abdullah lwn. PP [2013] 1 LNS 23.]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Zakaria Sam HMR:

[1] Pada mulanya tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah dipertuduh bersama-sama di Mahkamah Sesyen Melaka dengan pertuduhan-pertuduhan berikut:

PERTUDUHAN PERTAMA

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Mei 2003 di antara jam 2.00 petang dan 2.30 petang di dalam sebuah kenderaan bernombor pendaftaran WGP 1650, semasa dalam perjalanan dari Ibu Pejabat Daerah Melaka Tengah ke Kompleks Melaka, Air Keroh, di dalam Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah meminta bagi diri kamu berdua suatu

suapan iaitu wang tunai RM5,000.00 daripada Azzruhizam bin Zainol (T3008101) dan Mohd Rizal bin Mohd Zambran (T3008146) sebagai dorongan untuk membantu mengurangkan hukuman yang mungkin akan dikenakan ke atas mereka berdua bagi pertuduhan di bawah s. 379 Kanun Keseksaan yang dihadapkan terhadap mereka dalam kes nombor 82-2-2003 di Mahkamah Majistret Melaka, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan yang boleh dihukum di bawah s. 16 Akta 575.

PERTUDUHAN KEDUA

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Mei 2003 di antara jam 2.30 petang dan 3.00 petang di dalam lokap Kompleks Mahkamah Melaka, Air Keroh, di dalam Daerah Melaka Tengah, dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah meminta bagi diri kamu berdua suatu suapan iaitu wang tunai RM500.00 seorang daripada Azzrulnizam bin Zainol (T 3008101) dan Mohd Rizal bin Mohd Zambran (T 3008146) sebagai upah dalam mengurangkan jumlah jaminan Mahkamah yang dikenakan ke atas mereka berdua bagi pertuduhan di bawah s. 379 Kanun Keseksaan yang dihadapkan terhadap mereka dalam kes nombor 82-2-2003 di Mahkamah Majistret Melaka, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan yang boleh dihukum di bawah s. 16 Akta 575.

PERTUDUHAN KETIGA

Bahawa kamu bersama-sama pada 27 Mei 2003 lebih kurang jam 2.30 petang di hadapan sebuah kedai makan di sebelah Kedai Celcom, Jalan Munsyi Abdullah, di dalam Daerah Melaka Tengah, dalam Negeri Melaka, sebagai ejen Kerajaan Melaka iaitu anggota Polis Diraja Malaysia, L/Kpl 103862 dan Sarjan 82712 yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Darah Melaka Tengah telah secara rasuah memperoleh bagi diri kamu berdua suatu suapan iaitu wang tunai RM1000.00 seorang daripada Azzrulnizam bin Zainol (T 3008101) sebagai upah dalam mengurangkan jumlah jaminan Mahkamah yang dikenakan ke atas beliau bagi pertuduhan di bawah s. 379 Kanun Keseksaan yang dihadapkan terhadap mereka dalam kes nombor 82-2-2003 di Mahkamah Majistret Melaka, dan kerana memulangkan semula barangan peribadi iaitu sebilah pisau komando, seutas jam tangan dan wang tunai yang disita oleh kamu, yang mana mempunyai hubungan dengan hal ehwal principal kamu dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan yang boleh dihukum di bawah s. 16 Akta 575.

[2] Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap pertuduhan pertama dan kedua, lalu melepas dan membebaskan mereka dari kedua-dua pertuduhan pertama dan kedua tersebut. Pihak pendakwaan tidak memfailkan rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan tersebut.

[3] Walau bagaimanapun, HMS telah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* ke atas pertuduhan ketiga terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua. Mereka telah dipanggil membela diri. Di akhir kes pembelaan, HMS mendapati mereka telah gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan lalu mensabitkan kedua-dua mereka di atas pertuduhan ketiga. Setiap seorang dari mereka dihukum empat belas (14) hari penjara dan dikenakan denda RM10,000 atau dua (2) bulan penjara.

[4] Kedua-dua tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan tersebut.

[5] Di Mahkamah Tinggi, setelah tertuduh kedua beberapa kali gagal menghadiri perbicaraan, rayuan tertuduh kedua telah dibatalkan dan waran komital dikeluarkan terhadapnya untuk menjalani hukumannya.

[6] YA Pesuruhjaya Kehakiman seterusnya telah mendengar rayuan tertuduh pertama. Rayuan tertuduh pertama telah dibenarkan. Sabitan dan hukuman ke atasnya diketepikan dan tertuduh pertama dibebaskan.

[7] Tidak berpuas hati, pihak pendakwaan mengemukakan rayuan ini.

Kes Pendakwaan

[8] Pada 22 Mei 2003 lebih kurang jam 4.30 pagi, SP6 dan SP7 (kedua-duanya pengadu), telah ditahan di sekatan jalan raya di hadapan Balai Polis Ayer Keroh, Melaka kerana disyaki terlibat dalam jenayah samun ragut. Mereka dibawa ke Balai Polis Ayer Keroh dan kemudiannya ditahan di bawah s. 117 Kanun Acara Jenayah di lokap IPD Melaka Tengah dari 22 Mei 2003 hingga 26 Mei 2003 untuk siasatan lanjut. Barangan peribadi mereka telah ditahan polis.

[9] Tertuduh kedua adalah pegawai penyiasat dan tertuduh pertama adalah jurugambar kes samun ragut ini.

[10] Pada 26 Mei 2003, SP6 dan SP7 telah dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh, Melaka dengan kereta polis yang dipandu oleh tertuduh kedua dan tertuduh pertama sebagai pengiring, untuk menghadapi pertuduhan.

[11] Dalam perjalanan, tertuduh pertama dan tertuduh kedua memberitahu SP6 dan SP7 mengenai kesalahan yang mereka telah lakukan, hukuman yang akan diterima dan kesannya ke atas mereka sebagai penjawat awam.

[12] SP6 dan SP7 mengatakan tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah meminta dari mereka RM5,000 seorang untuk membolehkan mereka membantu mengurangkan hukuman SP6 dan SP7 daripada hukuman penjara kepada denda supaya mereka tidak dibuang kerja.

[13] Permintaan ini adalah tajuk perkara pertuduhan pertama.

[14] SP6 dan SP7 telah dipertuduh di Mahkamah Majistret pada hari tersebut *vide* Kes Tangkap No. 82-2-2003 dan mereka telah dikenakan jaminan RM1000 seorang.

[15] Semasa di lokap mahkamah, tertuduh pertama telah datang menemui SP6 dan SP7 dan memberitahu mereka bahawa hasil dari perbincangannya dengan Tuan Majistret sebelum ini, Tuan Majistret telah bersetuju mengurangkan jaminan dari RM1,500 kepada RM1,000 seorang. Untuk usahanya itu, beliau meminta setiap pengadu membayarnya RM500.

[16] Apabila SP6 memberitahunya yang beliau tidak mempunyai wang untuk membayar permintaan tersebut, tertuduh pertama beredar.

[17] Kemudiannya, tertuduh kedua pula datang ke lokap tersebut dan memberitahu SP6 dan SP7 bahawa beliau telah menggunakan wangnya sendiri untuk mengurangkan wang jaminan tersebut. Beliau meminta setiap SP6 dan SP7 membayar balik wangnya RM500. Apabila diberitahu oleh SP6 dan SP7 bahawa wang mereka telah ditahan di IPD Melaka Tengah, tertuduh kedua bersetuju mereka membayarnya RM1000 itu apabila mereka menerima balik wang mereka selepas mereka dibebaskan atas jaminan.

[18] Menurut SP7, tertuduh pertama kemudiannya datang balik ke lokap bersama-sama tertuduh kedua di mana tertuduh kedua memberitahu mereka bahawa wang RM1,000 yang beliau minta adalah jumlah yang beliau telah dahulukan untuk mengurangkan jaminan.

[19] Permintaan ini adalah tajuk perkara pertuduhan kedua.

[20] Selepas dibebaskan, SP6 dan SP7 telah cuba mendapatkan rawatan perubatan untuk kecederaan yang dikatakan mereka alami semasa berada dalam tahanan tetapi gagal kerana kad pengenalan tentera mereka berada dalam simpanan polis. Memandangkan pejabat polis telah tutup, SP6 telah menelefon tertuduh kedua dan memberitahunya mengenai kad pengenalan mereka yang ditahan polis. Tertuduh kedua meminta SP6 datang berjumpanya pada keesokan harinya.

[21] Pada malam itu, SP6 dan SP7 telah memaklumkan pegawai atasannya, Kapt Naza (SP2) mengenai permintaan wang oleh tertuduh pertama dan tertuduh kedua. SP2 menasihatkan mereka supaya membuat laporan dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR).

[22] Pada pagi 27 Mei 2003, SP6, SP7 dan SP2 telah pergi ke pejabat BPR di mana SP6 telah membuat aduan (exh. P6).

[23] Di pejabat BPR, SP6 telah disuruh menelefon tertuduh pertama tetapi tertuduh pertama tiada di pejabat. SP6 kemudian menelefon tertuduh kedua untuk mendapatkan kembali barangan peribadi mereka. Tertuduh kedua meminta mereka datang ke pejabatnya pada jam 2 petang.

[24] Satu taklimat mengenai perangkap telah dijalankan oleh Penguasa Mohd Zaki Hassan dengan dihadiri sama oleh pegawai-pegawai BPR, SP6 dan SP7 dan SP2. SP6 telah diberikan wang perangkap (exh. P8). Perangkap akan dibuat di sebuah warung bersebelahan dengan Bangunan Celcom di Jalan Munsyi Abdullah, Melaka. SP6 dan SP7 telah diarahkan untuk membawa tertuduh pertama dan tertuduh kedua ke tempat tersebut.

[25] Lebih kurang jam 1.30 petang hari yang sama, SP2 telah membawa SP6 dan SP7 ke IPD Melaka Tengah. SP6 dan SP7 telah berjumpa dengan L/Kpl Amri untuk mendapatkan semula barangan peribadi mereka. Mereka kemudian berjumpa semula dengan tertuduh kedua untuk mengambil pisau komando mereka yang disimpan oleh tertuduh kedua. SP6 kemudiannya menanya tertuduh kedua mengenai RM1,000 itu dan tertuduh kedua berkata:

> Ingat senang ke nak deal dengan orang dalam, bukan pakai air liur sahaja.

[26] SP6 kemudiannya memberitahu tertuduh kedua yang beliau hendak ke Maybank untuk mengeluarkan wang berkenaan dan seterusnya berjumpa SP2 yang sedang menunggu di warung bersebelahan pejabat Celcom.

[27] Tertuduh kedua bersetuju membawa SP6 dan SP7 ke sana dengan keretanya. Apabila sampai, SP6 pergi ke Maybank yang berhampiran dan berpura-pura mengeluarkan wang RM1,000 sementara SP7, SP2 dan tertuduh kedua duduk di satu meja di warung tersebut. Setelah itu, SP6 menyertai SP7, SP2 dan tertuduh kedua di warung tersebut.

[28] Tidak lama kemudian tertuduh pertama sampai. Tertuduh pertama bertanya secara perlahan kepada SP6 mengenai wang tersebut. Apabila SP6 hendak mengeluarkan wang tersebut, tertuduh pertama melarangnya kerana boleh dilihat orang. Tertuduh pertama mengajak SP6 mengikutnya ke motosikalnya. Di sana, tertuduh pertama mengarahkan SP6 meletakkan wang tersebut ke dalam satu beg hitam yang ada di dalam raga motosikalnya. Sebaik sahaja wang perangkap di letakkan dalam beg tersebut, SP6 telah memberi isyarat tangkap dan tertuduh pertama telah ditangkap. Pemerolehan wang tersebut oleh tertuduh pertama adalah tajuk perkara pertuduhan ketiga.

[29] Pada masa yang sama, SP6 melihat tertuduh pertama mengeluarkan wang perangkap dari beg hitam di dalam raga motosikalnya dan membuang wang tersebut ke atas jalan. Pegawai-pegawai BPR telah mengutip wang tersebut.

[30] Wang tersebut telah disahkan sebagai wang perangkap yang telah diserahkan oleh SP6 kepada perayu.

[31] Tertuduh kedua juga telah ditangkap di warung tersebut.

Keputusan

[32] Di hadapan kami, perayu/Pendakwa Raya mengemukakan dua alasan di dalam rayuan mereka terhadap tertuduh pertama (responden).

[33] Pertama, YA Pesuruhjaya Kehakiman terkhilaf dalam memutuskan 'oleh kerana hakim perbicaraan telah membebaskan dan melepaskan responden bagi pertuduhan pertama dan kedua, maka pertuduhan ketiga dengan sendirinya akan tumbang juga'.

[34] YA Pesuruhjaya Kehakiman telah memutuskan (di ms. 45 jilid 1 RR):

> Saya berpendapat pendakwaan perlu membuktikan permintaan atau tuntutan (demand) untuk membangkitkan kesalahan yang berasaskan perkataan memperoleh seperti yang disebut dalam pertuduhan ketiga.

[35] Seterusnya, YA Pesuruhjaya Kehakiman mengatakan (di ms. 47 jilid 1 RR):

> Disinilah peri pentingnya keputusan Hakim bicara dalam melepas dan membebaskan Perayu 1 dan Perayu 2 bagi pertuduhan pertama dan kedua. Secara logikalnya pertuduhan ketiga akan dengan sendirinya akan tumbang juga.

[36] Adalah hujahan Timbalan Pendakwa Raya bahawa YA Pesuruhjaya Kehakiman terkhilaf apabila gagal mengambil kira bahawa ketiga-tiga pertuduhan berlaku di tempat yang berasingan dan pada waktu yang berasingan walaupun melibatkan perkara yang sama iaitu upah dalam mengurangkan jumlah jaminan SP6 dan SP7 di Mahkamah Majistret Melaka.

[37] Menurut Timbalan Pendakwa Raya, walaupun HMS telah menolak keterangan pihak pendakwaan berhubung pertuduhan pertama dan kedua, beliau masih boleh menerima keterangan tersebut bagi pertuduhan ketiga.

[38] Dalam isu ini, kami hanya perlu merujuk kepada kes Mahkamah Agong (pada masa itu), *Thavanathan Balasubramaniam v. Public Prosecutor* [1997] 3 CLJ 150; [1997] 2 MLJ 401. Di dalam kes tersebut, tertuduh pada mulanya dibicarakan atas dua pertuduhan rasuah iaitu:

(i) meminta suapan secara rasuah di bawah s. 3(a)(i) Akta Pencegahan Rasuah 1961 (Akta 1961); dan

(ii) menerima suapan secara rasuah di bawah s. 4(a)(i) Akta yang sama.

[39] Di akhir kes pendakwaan, HMS telah melepas dan membebaskan tertuduh dari kedua-dua pertuduhan.

[40] Di atas rayuan Pendakwa Raya, Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) telah mengesahkan pelepasan dan pembebasan berhubung dengan pertuduhan pertama tetapi membenarkan rayuan atas pertuduhan kedua dan memerintahkan supaya tertuduh memasukkan pembelaannya. Selepas mendengar pembelaan, HMS yang sama, sekali lagi melepas dan membebaskan tertuduh atas pertuduhan kedua.

[41] Sekali lagi pihak pendakwaan telah mengemukakan rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan tertuduh. HMT yang mendengar rayuan ini telah membenarkan rayuan oleh pihak pendakwaan, mengetepikan pembebasan dan mensabitkan tertuduh dan menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda sebanyak RM5,000 jika gagal dibayar digantikan dengan hukuman penjara 12 bulan.

[42] Kes ini telah dirujuk ke Mahkamah Agong di bawah s. 66 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[43] Persoalan untuk penentuan adalah sama ada Mahkamah Rayuan boleh mengkaji, mengulas dan mengambilkira keterangan yang dikemukakan atas pertuduhan meminta suapan di mana seorang tertuduh telah dibebaskan, bagi menyokong sabitannya atas pertuduhan kedua iaitu menerima suapan yang masih tertangguh. Mahkamah Agong telah memutuskan (di ms. 412-413):

> Next, learned counsel for the applicant referred to the following two passages which the learned appellate judge described as 'facts as found by the learned sessions court judge' (at pp 441G-442A):
>
> i) Lanjutan kepada beberapa siri perbincangan mengenai bayaran RM15,000.00 di antara lain, SP3 telah meminta kepada SP4 supaya bayaran RM15,000 itu dapat dikurangkan. SP4 telah memberitahu SP3 bahawa permintaan ini tidak dapat dipersetujui. Ini, menurut SP3, telah menimbulkan kemarahannya dan telah mendorong beliau membuat pengaduan kepada BPR.
>
> (Translation in English:
> Following a series of discussions regarding the payment of RM15,000 amongst others, SP3 asked SP4 for the sum of RM15,000 to be reduced. SP4 informed SP3 that the request was not agreeable. This, according to SP3 angered him and prompted him to report to the BPR)
>
> ii) Berikutan dengan ini, pegawai-pegawai BPR telah menyerbu dan menahan SP4 dan telah dibawa balik ke pejabat BPR. Begitu juga dengan SP3. Siasatan telah dijalankan ke atas SP4. Sebagai balasan, SP4 menawarkan untuk bekerjasama dengan BPR dan bersetuju untuk menolong memerangkap tertuduh dengan menyerahkan wang perangkap sebanyak RM15,000 kepadanya.
>
> (Translation in English:
> As a result, the BPR officers rushed in, detained SP4 and brought him back to the BPR office. Likewise with SP3. An investigation was carried out on SP4. In exchange, SP4 offered to co-operate with BPR and agreed to assist trapping the accused by delivering the trap money of RM15,000 to him).
>
> The complaint of the applicant respecting the above two passages was that the learned appellate judge had reopened the evidence on which the applicant had been acquitted.

> For the respondent, the learned senior federal counsel submitted that the matters contained in the two passages related to the charge of accepting, and it was right and proper for the learned appellate judge to refer to them.
>
> We agree with the learned senior federal counsel. The matters contained in the two passages took place after the meeting at the Grand Pacific Hotel. In our view, they are so connected with the offence of accepting as charged as to form part of the evidence upon which it is to be proved and may be properly considered: whereas the matters in passage (i) explain why PW3 reported the matter to the Anti-Corruption Agency, those in passage (ii) disclose how PW4 turned a prosecution witness. Indeed, without such evidential facts, the case of the prosecution would have been rendered a great deal less intelligible. We would also add that the matters in the two passages aforesaid, in themselves, would not have been sufficient to establish the charge of soliciting of which the applicant had been acquitted.

[44] Isu yang sama juga telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Lim Guan Eng v. Public Prosecutor & Other Appeals* [1998] 3 CLJ 769; [1998] 3 MLJ 14.

[45] Peguam bagi pihak responden telah menghujahkan bahawa YA Pesuruhjaya Kehakiman telah membuat keputusan yang tepat dalam membebas dan melepaskan responden dari pertuduhan ketiga dengan merujuk kepada kes *Khoo Cheng Huat v. Public Prosecutor* [1990] 2 CLJ 790; [1990] 2 CLJ (Rep) 236; [1991] 1 MLJ 42 untuk menyokong hujahannya.

[46] Sekali lagi kami merujuk kepada kes *Thavanathan* di mana Mahkamah Agong telah memutuskan (di ms. 168-169 (CLJ); ms. 413 (MLJ)):

> Learned counsel for the applicant cited *Khoo Cheng Huat v. PP* [1991] 1 MLJ 42 where the appellant charged in the sessions court with two offences of (1) soliciting and (2) accepting gratification was acquitted and discharged of the charge of soliciting but convicted of accepting, and, on appeal to the High Court, was acquitted of the accepting charge. The facts and circumstances in that case were different. There, the events occurred on the same date, at the same time and place. The principal witnesses were the complainant and his wife, and their evidence (so the High Court held) must have been rejected because of the acquittal of the soliciting charge by the court of the first instance. Edgar Joseph Jr J (as he then was), hearing the appeal, said (at p 45):
>
> > In such a situation, bearing in mind that the alleged act of soliciting and that of accepting were so intermingled as to make it impossible to separate them, and they depended for their proof upon the same witnesses, that testimony should in all fairness, have been rejected in its entirety. In the instant case under reference, the events relating to the two charges occurred at different places and on different dates and times. More importantly, the money

A recovered in the applicant's chambers shortly after the handing over was the same money entrusted to PW4 minutes before PW4 entered the applicant's chambers.

[47] Dengan menggunakan rasional di dalam kes *Thavanathan* ini, adalah jelas pertuduhan pertama dan kedua di dalam rayuan di hadapan kami B berlaku di dua tempat yang berlainan dan juga tarikh dan waktu yang berlainan dengan fakta dalam pertuduhan ketiga. Adalah juga jelas di dalam pertuduhan ketiga ini terdapat fakta-fakta tambahan iaitu wang rasuah telah diserahkan dan ditemui dari responden yang disaksikan oleh pasukan intipan BPR dan juga SP2 iaitu pegawai atasan kepada kedua-dua pengadu.

C **[48]** Undang-undang adalah jelas. Kegagalan membuktikan pertuduhan permintaan wang suapan secara rasuah tidak bermakna pertuduhan menerima wang suapan secara rasuah juga akan turut kecundang. Meminta dan menerima wang suapan secara rasuah adalah dua kesalahan yang berbeza yang melibatkan dua fakta yang berbeza, keterangan yang berbeza dan D melibatkan intipati yang berbeza.

[49] YA Pesuruhjaya Kehakiman telah melakukan satu kekhilafan yang serius apabila menghendaki pihak pendakwaan membuktikan intipati permintaan atau tuntutan dalam kes ini. Permintaan atau tuntutan bukan merupakan intipati yang harus dibuktikan untuk membuktikan satu E kesalahan di bawah s. 11(a) APR 1997. Apa yang harus dibuktikan ialah penerimaan wang tersebut secara rasuah: *Public Prosecutor v. Jamil Bin Mahmod & Anor* [1998] 1 LNS 312; [1998] 4 MLJ 681; *PP v. Md Nor Hamid* [2003] 1 LNS 591; [2004] 5 MLJ 97.

F **[50]** Isu kedua yang dibangkitkan oleh Timbalan Pendakwa Raya adalah atas kesilapan YA Pesuruhjaya Kehakiman menyatakan jumlah RM1,000 setiap seorang seperti di dalam pertuduhan ketiga bercanggah dengan keterangan SP6 dan SP7 menyebabkan intipati pertuduhan ketiga gagal dibuktikan. Pihak pendakwaan juga tidak ada pada bila-bila masa cuba untuk meminda jumlah tersebut kepada RM500 seorang dalam pertuduhan G tersebut. Menurut YA Pesuruhjaya Kehakiman, ini bukan satu kesilapan menaip.

[51] Walaupun di dalam pertuduhan ketiga menyebut '… memperolehi bagi diri kamu berdua suatu suapan wang tunai RM1,000 seorang …', pengadu-pengadu (SP6 dan SP7) sepanjang keterangan di mahkamah H mengatakan permintaan oleh responden adalah RM500 setiap orang.

[52] Berdasarkan keterangan SP6, SP7 dan juga SP2, kami berpendapat jumlah RM1,000 seorang seperti dalam pertuduhan ketiga itu adalah satu kesilapan pihak pendakwaan ketika menyediakan pertuduhan. I Bagaimanapun, kesilapan tersebut tidak menjejaskan kes pendakwaan ataupun mengelirukan responden.

[53] Kami berpuas hati dengan jumlah yang diminta dan diterima dalam pertuduhan ketiga ialah RM500 setiap seorang berjumlah RM1,000 kesemuanya.

[54] Seterusnya, kami ingin menyentuh mengenai dapatan HMS di akhir kes pendakwaan dalam pertuduhan ketiga.

[55] HMS telah memberikan alasan terperinci mengapa beliau mendapati pertuduhan ketiga telah dibuktikan (di ms. 13-15 rekod rayuan jilid 2):

(a) Suatu suapan telah diperolehi oleh Tertuduh-Tertuduh iaitu wang tunai RM1000.

Tertuduh 1 dan 2 telah hadir ke tempat kejadian untuk menerima wang rasuah sebanyak seribu ringgit. Tertuduh 1 telah menyuruh dan mengarahkan SP6 untuk pergi ke tempat di mana motosikalnya diletakkan untuk menerima wang RM1,000. Tertuduh 1 tidak mahu menerima wang tersebut semasa di dalam kedai kerana takut dilihat oleh orang ramai.

Saya mendapati Tertuduh 1 dan 2 telah hadir di tempat kejadian tanpa urusan rasmi walaupun dalam masa waktu pejabat. Kehadiran mereka di sana jelas menunjukkan niat mereka untuk menerima wang rasuah seperti yang diminta. Sepatutnya jika terdapat apa-apa perkara yang rasmi yang perlu dilakukan oleh Tertuduh 1 dan 2, maka seharusnya dibuat di pejabat sahaja. Tertuduh 1 sebagai jurufoto tiada alasan untuk berada di tempat kejadian pada hari tersebut. Begitu juga dengan Tertuduh 2 tiada alasan untuk berada di tempat kejadian kerana kejadian ragut yang menjadi isu bagi kes SP6 dan SP7 bukan berlaku di situ. Maka adalah jelas kehadiran mereka di tempat kejadian bertujuan untuk menerima wang rasuah seperti yang diminta oleh mereka.

Keterangan SP6 dan SP7 ini diterima oleh Mahkamah ini kerana saya berpendapat tiada sebarang percanggahan material di dalam keterangan mereka dan kebolehpercayaan mereka boleh diterima oleh Mahkamah ini.

Saya juga berpendapat keterangan SP6 dan SP7 ini bukanlah merupakan keterangan rakan sejenayah.

Terdapat juga keterangan sokongan lain di dalam kes ini iaitu dari SP2 (Mejar Naza). SP2 turut menyokong permintaan yang dibuat oleh Tertuduh 1 dan Tertuduh 2 sehingga berlakunya perangkap tersebut. Keterangan dari SP11 dan SP13 juga menyokong keterangan kes pendakwaan di mana Tertuduh 1 dan Tertuduh 2 datang ke tempat kejadian atas urusan permintaan wang rasuah dan wang tersebut telah dibayar kepada Tertuduh 1.

Barangan peribadi SP6 dan SP7 yang disita oleh pihak polis telah pun dikembalikan kepada mereka sebagaimana alasan yang diberikan oleh Tertuduh 1 dan Tertuduh 2 apabila wang permintaan mereka dibayar.

Saya juga berpendapat keterangan oleh tertuduh 1 yang telah membuang wang tersebut dengan mengatakan bahawa wang itu bukan wangnya adalah merupakan satu keterangan menyokong bahawa beliau sebenarnya tahu bahawa rasuah itu salah dan wang tersebut adalah wang rasuah walaupun tiada keterangan yang nampak beliau menerima wang tersebut.

A

> Dari keterangan-keterangan persekitaran adalah jelas niat bersama kedua-dua Tertuduh berada di tempat kejadian adalah untuk menerima wang rasuah yang diminta oleh mereka. Berdasarkan daripada keseluruhan keterangan kes pendakwaan, adalah jelas bahawa Tertuduh 1 dan Tertuduh 2 menerima wang RM1,000.00 seperti dalam pertuduhan ketiga dan terdapat keterangan-keterangan menyokong fakta ini.

B

[56] HMS juga telah mendapati tertuduh-tertuduh adalah penjawat awam semasa menerima suapan tersebut. Isu ini tidak dipertikaikan.

[57] Setelah merujuk kepada kes *PP v. Md Nor Hamid* [2003] 1 LNS 591; [2004] 5 MLJ 97 yang juga telah merujuk kepada kes *Thavanathan* (*supra*)
C yang memutuskan:

> Once it was proved that the money had been given and received by the accused, the presumption under s. 14 of the 1961 Act arose that the money had been given and received corruptly as an inducement or reward, and it was for the accused to give an innocent explanation which
D the court considered more likely than not that it was true, ie on a balance of probabilities the test applied in civil proceedings.

HMS telah memanggil (responden) dan tertuduh kedua membela diri.

Pembelaan Responden/Tertuduh Pertama

E **[58]** Pada 27 Mei 2003, setelah selesai melakukan tugasan di luar dan dalam perjalanan pulang ke balai bersama Sarjan Johari, beliau telah menghubungi tertuduh kedua. Tertuduh kedua menjawab bahawa beliau sedang minum dan mengajak mereka ke warung di Jalan Munsyi Abdullah. Dalam perjalanan ke warung, Sarjan Johari menerima panggilan daripada
F balai meminta beliau balik ke balai dengan segera. Responden meneruskan perjalanan dan singgah di warung yang dikatakan oleh tertuduh kedua.

[59] Apabila sampai di warung tersebut, beliau telah meletakkan motosikalnya di kawasan tempat letak kereta dan kemudiannya terus pergi ke meja tertuduh kedua yang sedang minum. Beliau melihat ada seorang
G pegawai tentera bersama SP6 dan SP7. Sedang beliau minum, SP6 datang kepadanya dan bertanya "Encik datang dengan motor atau kereta". Responden tanya mengapa. SP6 beredar tanpa menjawab apa-apa. Selepas minum, beliau memaklumkan kepada tertuduh kedua bahawa beliau hendak ke mahkamah kerana ada perbicaraan. Apabila beliau sampai di motornya,
H beliau melihat SP6 ada di sebelah motosikalnya. SP6 kemudiannya meminta nombor telefon beliau untuk membeli gambar kecederaan yang beliau ambil semasa di cawangan foto. Beliau pun memberi nombor telefonnya. Setelah nombor telefon diberi, beliau duduk atas motor dan kemudian datang pegawai BPR menunjukkan kad kuasa dan menyuruh beliau mengambil beg hitam yang berada di dalam motosikal. Anggota BPR telah mengepung
I kawasan itu. Beg itu kemudiannya di letak atas kereta yang berada di sebelah motor dan kemudian mengarahkan beliau untuk membuka. Beliau telah mengambil beg tersebut dan menonggengkannya. Pada ketika itu, beliau

nampak duit jatuh bertaburan. Pegawai BPR tersebut terus menggari beliau. Seorang pegawai BPR mengarah anggota lain untuk memanggil tertuduh kedua ke tempat letak kereta dan apabila tertuduh kedua sampai, pegawai BPR sedang mengutip duit dan barang-barang yang terjatuh tadi. Beliau mengatakan duit itu bukan kepunyaannya dengan mengatakan jika ada duit dalam beg, beliau tidak akan meletakkan dalam motosikal kerana motor diletakkan di tempat awam dan terbuka. Beliau juga menafikan ada meminta duit daripada SP6.

Pembelaan Tertuduh Kedua

[60] Tertuduh kedua mengatakan beliau mengenali SP6 dan SP7 kerana mereka adalah tertuduh yang disiasat olehnya. Menurutnya, pada 27 Mei 2003 jam lebih kurang 2 petang, SP6 dan SP7 ada menelefonnya memberitahu ingin mengambil barang-barang peribadi milik mereka. Beliau mengarahkan mereka datang ke pejabatnya untuk urusan tersebut. Setelah SP6 dan SP7 datang, beliau telah mengarahkan mereka mengambil barang-barang milik mereka di pejabat Ketua Polis Balai Melaka Tengah. Walau bagaimanapun, barang-barang seperti pisau komando ada dalam simpanannya kerana ia bukan barang kes dan beliau telah menyerahkan kepada SP6 dan SP7.

[61] Menurut tertuduh kedua lagi, selepas selesai urusan serahan barang tersebut, SP6 dan SP7 telah meminta beliau menghantar mereka ke Jalan Munsyi Abdullah kerana seorang pegawai eskot mereka berada di sana. Beliau berpendapat oleh sebab beliau yang memanggil mereka, maka beliau berasa bertanggungjawab untuk menyerahkan mereka kembali kepada pegawai tersebut kerana SP6 dan SP7 berada dalam 'kuarantin' ketika itu.

[62] Apabila tiba di tempat kejadian, tertuduh kedua telah menerima panggilan dari responden menanya lokasinya dan beliau memberitahu responden, beliau baru tiba untuk minum di sebuah warung di Jalan Munsyi Abdullah dan mengajak responden untuk minum sekali. Kemudian, beliau terus ke warung di mana seorang pegawai askar berpangkat Kapten (SP2) berada di situ. Setelah memperkenalkan diri, SP2 terus bertanya "macam mana duit RM500 tu Sarjan". Menurut tertuduh kedua, duit RM500 yang dimaksudkan ialah duit yang diberi oleh abang ipar SP7 kepada pengadu dalam kes ragut sebagai duit penyelesaian di luar. Beliau mengatakan beliau tidak ada kena mengena dengan duit tersebut dan menasihatkan supaya tidak membuat penyelesaian di luar tetapi abang ipar Mohd Rizal berdegil.

[63] Responden kemudian datang ke mejanya dan duduk minum sekali. Tidak lama kemudian, responden memberitahu beliau hendak ke mahkamah.

[64] Selepas responden pergi, tidak lama kemudian, datang seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai pegawai BPR kepadanya dan membawanya ke tempat letak kenderaan di sebelah warung tersebut. Di situ beliau melihat responden telah digari. Beliau telah bertanya kepada responden apa yang

berlaku dan responden memberitahu "tidak tahu Sarjan, saya duduk saja atas motor, mereka telah serbu saya, dan paksa saya buka beg yang berada di dalam bakul motor". Beliau melihat pegawai BPR sedang memungut wang kertas RM50 berselerakan di atas tanah dan diberitahu itu adalah duit perangkap.

[65] Tertuduh kedua menafikan meminta RM500 sebagai upah mengembalikan barang-barang peribadi SP6 dan SP7 sama ada di pejabat mahupun di warung.

Dapatan HMS Di Akhir Kes Pembelaan

[66] Di akhir kes pembelaan, HMS telah memutuskan bahawa (di ms. 19 rekod rayuan jilid 2):

> [19] Saya berpendapat pembelaan kedua-dua Tertuduh adalah merupakan penafian semata-mata dan tidak munasabah. Seorang pegawai penyiasat sanggup menghantar Tertuduhnya ke tempat yang dikehendaki malah dengan menggunakan kereta sendiri dalam waktu bekerja pula. Jika eskot mereka boleh hantar mereka di balai, maka agak pelik kenapa tidak boleh mengambil mereka di balai jika benar mereka berada dalam kuarantin. Kenapa pula perlu dihantar di warung dan eskot menunggu di situ.
>
> [20] Begitu juga dengan pengataan SD1 yang pergi ke warung adalah untuk bertemu dengan SP2. Mengapa perlu berjumpa di warung sedangkan SP2 tiada kaitan langsung di dalam kes ini. Jika benar sekalipun perlu berjumpa dengan SP2, kenapa tidak memanggil sahaja SP2 ke balai dan bertemu secara rasmi. Kenapa perlu berjumpa di warung.
>
> [21] Begitu juga dengan penyataan SD2 yang mengatakan SP6 telah menunggu beliau di tempat motor untuk mendapatkan nombor telefonnya. Adalah agak pelik kenapa SP6 perlu menunggu di situ sedangkan sebelum ini mereka minum bersama di warung tersebut. Bukankah lebih munasabah beliau boleh mendapatkan nombor telefon tersebut di situ sahaja dari terpaksa menunggu SD2 di tempat motor. Saya berpendapat tujuan sebenarnya mereka bertemu di situ adalah untuk menerima wang seperti yang diminta.
>
> [22] Adalah tidak logik untuk mengatakan pihak BPR atau SP6 telah meletakkan wang dalam motosikal Tertuduh 1 kerana mengikut cerita pihak pembelaan Tertuduh 1 sendiri bahawa Azrul (SP6) ada bertanya pada beliau datang dengan kereta atau motosikal, kemudian beliau bertanya kenapa dan Azrul beredar tanpa menjawab apa-apa. Adalah jelas SP6 tidak tahu Tertuduh 1 datang dengan kenderaan apa. Maka hujahan yang mengatakan wang diletakkan dalam motosikal Tertuduh 1 tanpa pengetahuannya tidak boleh diterima.
>
> [23] Saya juga berpendapat keterangan SD1 mengenai wang RM500.00 yang diberikan oleh abang ipar SP6 untuk menyelesaikan kes di luar adalah merupakan 'afterthought' kerana ia tidak pernah disoalbalas atau dicadangkan kepada SP6 mahupun SP7.

[67] Dapatan HMS ini tiada cacat celanya. Dapatan ini telah tidak diambil kira oleh YA Pesuruhjaya Kehakiman ketika membuat keputusan mengenepikan perintah sabitan dan hukuman oleh HMS.

Kesimpulan

[68] Berdasarkan alasan-alasan di atas, kami sebulat suara berpendapat rayuan Pendakwa Raya mempunyai merit dan rayuan mereka dibenarkan. Perintah melepas dan membebaskan responden dari pertuduhan ketiga oleh YA Pesuruhjaya Kehakiman diketepikan. Keputusan dan hukuman HMS dikekalkan. Waran komital dikeluarkan terhadap responden untuk menjalani hukuman serta-merta.